

# Tidak mustahil bergabung semula



MOHD FAIZUL HAIKA MAT KHAZI

**B**ukan rahsia lagi, hubungan Pengerusi Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang), Tun Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Parti Bersatu Pribumi Malaysia (Bersatu), Tan Sri Muhyiddin Yassin ibarat kaca berderai susulan Langkah Sheraton pada Februari 2020.

Ibarat ditikam dari belakang, negarawan yang membawa Pakatan Harapan (PH) ke Putrajaya tetapi dikhianati parti sendiri, kesannya kepada Dr Mahathir tentu sangat mendalam.

Jika sebelum ini Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun, tapi Langkah Sheraton mencalaran reputasi dan imejnya dengan tempoh cuma 22 bulan.

Walaupun Muhyiddin dan Bersatu berpakat dengan sokongan UMNO-BN, Pas serta Gabungan Parti Sarawak (GPS) seolah-olah mendapat 'kemenangan' menumbangkan kerajaan PH pada tahun 2020, namun kecairan politik negara menyaksikan tuah tidak berpihak lama kepada mereka.

Keengganan UMNO-BN bersama Bersatu, malah dengan Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka dan Johor menunjukkan Perikatan Nasional (PN) dan PH berputih mata, maka parti-parti politik di luar BN perlu membina naratif baharu dalam berdepan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

Maka tidak hairanlah, Muhyiddin antara pemimpin pertama yang mengorak langkah bertemu Dr Mahathir da-

lam perbincangan yang dikatakan berkaitan gabungan untuk menewaskan BN pada PRU 15.

Tidak cukup dengan itu, Presiden Pas, Tan Sri Abdul Hadi Awang juga dikatakan bakal bertemu Dr Mahathir untuk membincangkan perkara sama,

Persoalannya, mampukah mereka memujuk Ahli Parlimen Langkawi itu, dan adakah Dr Mahathir akan memaafkan individu yang telah mengkhianatinya?

“Saya tak tahu nak kata apa kepada Muhyiddin. Saya tak jadi Perdana Menteri sebab Muhyiddin. Dia tikam belakang saya. Sekarang orang yang dia tikam belakang itu tak mati lagi,” kata Dr Mahathir dalam satu sidang akhbar di Putrajaya pada Jumaat menceritakan isi hatinya.

Walaupun nada Dr Mahathir kelihatan dingin, namun pemerhati politik melihat tidak mustahil beliau akan membuat pusingan U demi misi utama mengalahkan BN.

Penganalisis politik, Dr Chandra Muzaffar berkata, dalam politik segalanya boleh berlaku dan selepas beberapa PRN seperti di Melaka dan Johor memperlihatkan terdapat keperluan mendesak supaya blok parti pembangkang perlu bekerjasama antara satu sama lain, jika tidak mereka akan tewas kepada BN.

“Kita boleh lihat jika setiap parti politik bertanding menggunakan logo, agenda dan kekuatannya sendiri tanpa berpakat dengan parti lain, maka mereka akan tewas.

“Semua parti pembangkang perlu membina naratif baharu dan mengembeleng jentera secara bersama kerana mereka sukar untuk menang jika bertanding bersendirian untuk menewaskan BN yang mempunyai penyokong tegar



Kerjasama politik antara Dr Mahathir dan Muhyiddin bukanlah sesuatu yang janggal kerana mereka pernah berada dalam satu pasukan sama ketika menjatuhkan Datuk Seri Najib Razak sebagai Perdana Menteri.

yang ramai,” katanya kepada *Sinar Premium*.

Apatah lagi, kerjasama politik antara Dr Mahathir dan Muhyiddin bukan sesuatu yang janggal kerana mereka pernah berada dalam pasukan sama ketika menjatuhkan Datuk Seri Najib Razak sebagai Perdana Menteri, sekaligus menumbangkan UMNO-BN yang sudah memerintah negara selama 60 tahun.

Ia tidak pernah dapat dilakukan oleh mana-mana parti pembangkang dalam tempoh enam dekad itu.

Malah, perbalahan Dr Mahathir terhadap Muhyiddin tidaklah seteruk dendam dan perseteruan beliau dengan dua musuh ketatnya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan pemimpin veteran DAP, Lim Kit Siang yang berlarutan berpuluh tahun.

Bagaimanapun, segala dendam kesumat antara mereka terlerai apabila Dr Mahathir sanggup menunggu berjam-jam untuk menemui musuh politiknya, Anwar di Mahkamah Tinggi Kuala

Lumpur pada tahun 2016 bagi memohon maaf dan bersalaman dengan bekas orang kanannya merangkap Timbalan Perdana Menteri itu.

Dr Mahathir juga sanggup merendahkan diri dan menghulurkan tangan untuk bersalaman dengan Kit Siang yang sudah sekian lama menjadi seterusnya demi menjatuhkan kerajaan BN pimpinan Najib pada PRU14.

Cuma bezanya kali ini, watak dipegang Dr Mahathir berbeza pada tahun 2016. Kini giliran beliau pula perlu memaafkan orang yang telah menikamnya.

Apatah lagi dengan kedudukan dan prestasi Pejuang ibarat ‘hidup segan mati tak mahu’ apabila semua 42 calonnya bukan sahaja kalah di PRN Johor, bahkan hilang deposit, tawaran naratif baharu Muhyiddin dan Hadi mungkin juga jalan survival Pejuang.

Cuma persoalannya apakah pula selepas itu? Adakah Mahathir akan menjadi ‘orang tengah’ menyatukan semua parti dalam khemah besar blok pembangkang.

